

# Hari dedikasi buat pekerja

SEMALAM seluruh Malaysia bercuti sempena Hari Pekerja. Suatu ketika dulu sambutannya dipanggil Hari Buruh. Mungkin daripada terjemahan langsung bahasa Inggeris iaitu Labour Day.

Hakikatnya, Hari Buruh atau Hari Pekerja diilhamkan daripada kejayaan kesatuan sekerja memperjuangkan hak-hak mereka.

Mengikut sejarah, Hari Buruh memang bermula dengan perjuangan buruh di Australia menghentikan kerja lalu berarak di jalanan menuntut “lapan jam waktu bekerja” dalam sehari.

Mereka juga menuntut baki masa 16 jam lagi yang diperuntukkan lapan jam untuk mereka beriadah dan lapan jam untuk berehat tetapi tetap dibayar.

Perjuangan buruh yang hampir sama iaitu menuntut dipendekkan waktu bekerja dan mereka tidak dikerah bekerja sepanjang masa dilaporkan berlaku di seluruh dunia. Cuma masanya tidak semestinya sama. Disebabkan itu Hari Buruh disambut pada tarikh yang berbeza mengikut negara. Australia menyambutnya pada Isnin pertama Oktober setiap tahun, manakala Amerika dan Kanada pula menyambutnya pada Isnin pertama September. Cuti Hari Pekerja pada 1 Mei setiap tahun yang diraikan di negara kita turut dilaksanakan oleh lebih 80 negara lain di dunia.

Bagi Malaysia, pengumuman 1 Mei sebagai cuti Hari Pekerja dibuat pada 1972 oleh Timbalan Perdana Menteri masa itu, Tun Dr. Ismail Abdul Rahman sebagai dedikasi buat pekerja atas sumbangan mereka. Keputusan itu juga selaras dengan ketetapan Konvensyen Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO).

Seingat penulis bertahun-tahun juga bahkan sampai ke hari ini ramai yang masih merujuknya sebagai Hari Buruh. Ketika baru menjadi wartawan, penulis sering ditugaskan membuat liputan perhimpunan MTUC sempena Hari Pekerja. MTUC ketika itu di bawah pimpinan Zainal Rampak memang cukup vokal dan diberi perhatian.

Walau apapun asal-usulnya Hari Buruh atau Hari Pekerja memang untuk meraikan para pekerja. Tiada jantina atau warna, sama rata. Buruh kasar, pekerja am, staf sokongan dan kontrak, kakitangan awam dan swasta, golongan profesional dan semi profesional, semuanya ada sumbangan masing-masing kepada pembangunan dan kemajuan negara.

Kecil atau besar tetap dipanggil sumbangan. Tiada yang boleh mengaku hanya mereka yang layak diraikan sebagai pekerja. Seumpama hendak membina jambatan atau bangunan, peranan setiap pekerja ada kepentingannya. Si arkitek misalnya tidak boleh menganggap tugasnya sahaja penting kerana tanpa pekerja lain, siapa pula yang hendak menterjemahkan rekaannya dalam bentuk binaan sebenar. Begitu juga tugas-tugas pekerja lain saling menyokong antara satu sama lain.

Begitulah juga dalam organisasi, pejabat dan di mana juga tempat kita bekerja. Jangan anggap hanya kerja kita yang penting atau kita sahaja yang ‘buat kerja’. Hargailah pekerja-pekerja lain, rakan sekerja kita kerana hakikatnya mereka yang melengkapkan kerja kita.

Seperkara lagi, pekerjaan tidak mengenal jantina. Dalam alaf ke-21 ini seharusnya tidak timbul lagi isu diskriminasi wanita sebagai tenaga kerja. Mengikut Laporan Bank Dunia sehingga 2011, kadar penyertaan tenaga kerja wanita di Malaysia masih di bawah kadar purata negara Asia Timur dan Pasifik yang lain iaitu hanya pada 47.9 peratus. Maknanya lebih separuh wanita Malaysia tidak bekerja (tanpa mengambil kira hujah bahawa wanita sebagai suri rumah bekerja lebih masa daripada standard antarabangsa).

Bukan kerana tidak ada kelayakan atau tidak cukup mahir untuk memegang sesuatu jawatan, namun ramai yang terpaksa membuat pilihan 'mengundurkan diri' daripada kerjaya masing-masing kerana tuntutan hidup berkeluarga.

Ada yang berkelulusan seni bina, jurutera dan tentu sahaja ramai pekerja swasta, yang berhenti kerja untuk menjaga anak dan memberi tumpuan sepenuh masa kepada rumah tangga.

Penulis percaya jumlah peratusan tenaga kerja wanita di dalam negara kita dapat dipertingkatkan ke tahap yang menguntungkan Malaysia jika cabaran-cabaran yang dihadapi oleh wanita bekerja diberi perhatian oleh majikan dan kerajaan.

Jika masalah penjagaan anak yang menjadi cabaran utamanya, mungkin sudah sampai masanya penyediaan pusat jagaan kanak-kanak di tempat kerja yang sudah diusulkan sejak sekian lama, ketika Penasihat Keusahawanan dan Ikhtisas Wanita, Tan Sri Shahrizat Jalil masih menjadi Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat lagi dilaksanakan segera, tanpa bertangguh-tangguh lagi.

Baru-baru ini ketika memandu ke tempat kerja, penulis sekali lagi mendengar cadangan sama diutarakan oleh bekas menteri yang kini Pengerusi Tetap Pergerakan Wanita UMNO, Tan Sri Napsiah Omar, ketika mengulas penglibatan wanita dalam Transformasi Nasional 2050 (TN50).

Tentu sahaja kita tidak perlu menunggu 33 tahun lagi sebelum cadangan itu dapat dilaksanakan sepenuhnya. Bayangkan sahaja keadaannya jika semua kementerian dan jabatan kerajaan serta pejabat swasta, universiti dan kolej, menyediakan kemudahan tersebut di premis masing-masing. Wajib. Penulis yakin ramai wanita berkeluarga dan bekerja tidak ada masalah lagi, tidak teragak-agak untuk menumpukan perhatian kepada pekerjaan mereka. Bukan sahaja wanita, bahkan pekerja lelaki juga.

Jika ramai wanita Malaysia yang dioptimumkan kelayakan dan kemahiran mereka untuk bekerja di pelbagai sektor, tidak mustahil sasaran mencapai jumlah tenaga kerja yang lebih tinggi akan tercapai. Secara tidak langsung, tidak juga mustahil untuk kita mengurangkan pergantungan kepada tenaga kerja asing.

Sebenarnya tidak kira sama ada pekerja lelaki atau wanita, semuanya sama, mahukan suasana tempat kerja yang kondusif dan selesa. Barulah hari-hari bekerja penuh aura positif seterusnya dapat memberi komitmen dan menumpahkan dedikasi kepada pekerjaan yang dihadapkan kepada mereka. Selamat Hari Pekerja!